

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah mod pengangkutan awam Bus Rapid Transit (BRT) dan Autonomous Rapid Transit (ART) dapat dioperasikan di Malaysia dan senaraikan bandar-bandar yang akan melaksanakan mod pengangkutan awam kos patut ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kerajaan melalui *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) sedang melaksanakan Projek *Iskandar Rapid Transit* (IRT) di Iskandar Malaysia iaitu pembinaan jaringan pengangkutan awam yang berasaskan sistem *Bus Rapid Transit* (BRT). Projek ini dibiayai Kerajaan Malaysia dengan peruntukan RM1.12 bilion untuk infrastruktur awam, manakala RM2 bilion pula daripada sektor swasta bagi penyediaan bas elektrik, kemudahan pengecas elektrik dan sistem berkaitan.
2. IRT menjadi tulang belakang kepada perubahan landskap pengangkutan awam dalam negara khususnya di dalam wilayah pembangunan Iskandar Malaysia. Ianya melibatkan tiga (3) Laluan Utama, 42 Laluan Terus serta 47 Laluan Pengantara, merangkumi rangkaian jajaran sepanjang 2,000 kilometer. Keseluruhan rangkaian IRT akan meningkatkan liputan pengangkutan awam di Iskandar Malaysia kepada 90 peratus kawasan berkependudukan berbanding hanya 39 peratus buat masa ini. Projek ini turut melibatkan pembinaan 22 buah stesen di sepanjang 55 kilometer laluan utamanya.
3. Setakat ini, tender terbuka bagi pembinaan Laluan Iskandar Puteri telah dibuka pada 27 Mac 2023. Pembinaan dijangka bermula pada suku ketiga tahun ini. Tender bagi Laluan Skudai dan Tebrau dijangka dibuka pada suku yang sama.
4. Selaras dengan perancangan, perkhidmatan IRT dijangka beroperasi pada suku kedua 2025 bagi Laluan Iskandar Puteri, manakala Laluan Skudai dan Tebrau akan bermula pada suku keempat tahun yang sama. Perkhidmatan ini akan berintegrasi dengan mod pengangkutan awam lain iaitu *Rapid Transit System* (RTS), Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru (PLBEGJB), Lapangan Terbang Senai dan perkhidmatan feri.

5. Apabila beroperasi kelak, IRT akan menggunakan bas-bas mesra alam untuk ketiga-tiga laluan, termasuk penggunaan bas berkapasiti tinggi bagi Laluan Utama. Namun, pemilihan jenis dan saiz bas yang sesuai masih sedang diperhalusi dan ini termasuklah *Autonomous Rapid Transit* (ART) yang digunakan sewaktu program Ujian Rintis (*Pilot Testing*).

Sekian, terima kasih.